

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	250 Players to participate in Asean biotech conference	New Straits Times
2.	Tech Update	The Star
3.	200 orang dijangka sertai Forum Pertama Pemimpin, CEI R&D Global 2015	BERNAMA
4.	Garis panduan rasmi hadapi cuaca panas dalam perbincangan – Meteorologi	BERNAMA
5.	Pengguna digesa beli barang disahkan SIRIM menjelang Aidilfitri	BERNAMA
6.	Angin kencang dijangka berterusan sehingga Ahad	BERNAMA
7.	Elak kegiatan menyumbang kepada pencemaran udara	BERNAMA

250 players to participate in Asean biotech conference

PUTRAJAYA: The BioMalaysia & Asean Bioeconomy Conference & Exhibition 2015 is slated to introduce a business-to-consumer aspect as participants look forward to purchasing an array of healthcare and wellness bio-products.

Hosted by the Science, Technology and Innovation Ministry and BiotechCorp, the three-day event from Aug 17 at the Putra World Trade Centre here is set to bring biotechnology companies from Asean and other regions together.

The event, themed "Asean Bioeconomy: Biodiversity to Wellness", will feature discussions on biomedicine, bioeconomy, bio-industry and agbiotech.

Science, Technology and Innovation Minister Datuk Dr Ewon Ebin said the global wellness market was worth US\$3.4 trillion (RM13 trillion) and growing rapidly while having a significant impact on the nation's economy and Asean region.

He said Malaysia was the first country in Southeast Asia and the second in Asia to declare bioeconomy initiatives that brought various socio-economic benefits to the nation as a result of steady development of bio-based sectors.

"We are confident of the capabilities of our bio-industry. This event will provide a two-way partnership, encourage growth and deliver economic benefits to the region."

"We look forward to collaborating with Asean members to form an Asean-level Bioeconomy Cooperation, as the event will launch an enhanced market access apart from fostering joint activities, policy strategies and actions."



Science, Technology and Innovation Minister **Datuk Dr Ewon Ebin** (centre) showing the floor plan of the BioMalaysia & Asean Bioeconomy Conference & Exhibition 2015 yesterday. With him are ministry secretary-general **Datuk Seri Noorul Ainur Mohd Nur** (left) and BiotechCorp chief executive officer **Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal**. Pic by Ahmad Irham Mohd Noor

"Cambodia has already confirmed that it will participate in the event. We are looking forward to seeing more innovative and breakthroughs in bio-industries," he said at a press conference here recently.

Ewon said more than 250 local and international exhibitors were participating, including those from the Gulf Cooperation Council, multinational companies, government bodies and agencies.

BiotechCorp chief executive officer Datuk Dr Mohd Nazlee Kamal said the event would be special for them as the company celebrated its 10th anniversary and Malaysia's Asean chairmanship.

"It is befitting that BioMalaysia this year focuses on Asean Bioeconomy in the region. Bio-based tech-

nology can be a game changer to tackle Asean economic challenges as it offers a gateway for innovation and growth within the sphere."

More than 10,000 local and international visitors were expected to attend the event, which would also feature 15 local and five international speakers from various ministries of Asean countries.

The 13th BioMalaysia will be officiated by Deputy Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Highlights at the event include the exhibition, conferences, BioCareer activities, BioShoppe showcases and sales, business matching, product and services presentations and new launches. For details, visit www.biomalaysia.com.my and www.biotechcorp.com.my.

KERATAN AKHBAR
THE STAR (PEOPLE) : MUKA SURAT 32
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)



5. Tech update: (from left) Science, Technology and Innovation Ministry deputy secretary-general of policy Datuk Seri Dr Mohd Azhar Hj Yahaya, Minister Datuk Dr Ewon Ebin and MIMOS Bhd president and CEO Datuk Abdul Wahab Abdullah at the launch of the National Internet of Things (IoT) Strategic Roadmap, a guideline for IoT implementation in Malaysia.

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)



200 Orang Dijangka Sertai Forum Pertama Pemimpin, CEO R&D Global 2015

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Forum Pemimpin dan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Global 2015 yang akan dianjurkan buat julung kalinya bulan depan, dijangka menarik 200 penyertaan dari luar negara.

Program itu adalah anjuran Akademi Sains Malaysia (ASM) di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Presiden ASM, Tan Sri Dr Ahmad Tajuddin Ali, berkata forum dijadualkan berlangsung di Hotel Pullman, Kuching, Sarawak pada 5-6 Ogos, 2015 akan disertai kalangan saintis, penggiat industri, pembuat dasar serta ahli akademik.

Bertemakan 'Injecting Soul into R&D,' forum itu bertujuan menghimpunkan barisan pakar serta pihak yang berkepentingan untuk sama-sama merintis jalan, membangun serta mencari penyelesaian kepada cabaran sejagat seperti kemiskinan, kekurangan zat makanan dan perubahan cuaca, katanya.

"Di Malaysia, kira-kira 40 peratus isirumah berpendapatan kurang RM3,050 sebulan. Inilah yang perlukan perhatian kita," katanya pada sidang media, di sini, hari ini.

Antara topik yang bakal dibincangkan termasuk kemampunan kewangan dan impak pelaburan, memanfaatkan inovasi sosial dan keusahawanan serta perkongsian teknologi.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)



Garis Panduan Rasmi Hadapi Cuaca Panas Dalam Perbincangan - Meteorologi

Oleh Muhammad Ammar Shafiq Hamzah

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Garis panduan rasmi bagi menghadapi cuaca panas di negara ini kini dalam proses perbincangan yang melibatkan Kementerian Kesihatan (KKM) dan [Jabatan Meteorologi Malaysia.](#)

Pegawai Meteorologi Kanan, Pusat Cuaca Nasional, Dr Mohd Hisham Mohd Anip berkata pihaknya kini dalam proses mengumpul maklumat untuk diserahkan kepada KKM bagi membantu mereka mengeluarkan garis panduan untuk rakyat Malaysia menghadapi cuaca panas yang tidak menentu ini.

"Pihak kami diminta oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk berkongsi maklumat tentang suhu dan kelembapan udara.

"Perbincangan kami ini masih di peringkat awal dan dalam perbincangan ini kami cuma bertindak sebagai badan agensi sokongan," katanya ketika dihubungi Bernama baru-baru ini.

Baru-baru ini Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan Pertubuhan Meteorologi Sedunia (WMO) mengeluarkan garis panduan menghadapi cuaca panas yang bertajuk (Heat Waves and Health: Guidance on Warning) bertujuan untuk menangani risiko kesihatan yang disebabkan oleh cuaca panas.

Garis panduan itu dikeluarkan berikutan ancaman cuaca panas yang berlaku di Eropah sekarang dan juga berikutan suhu yang melambung tinggi telah mengorbankan beratus-ratus orang di India dan Pakistan.

Mohd Hisham berkata fenomena cuaca panas yang berlaku di Eropah sekarang ini terjadi setiap tahun disebabkan oleh pergerakan matahari.

"Sekarang ini matahari sedang bergerak ke utara, sebelum ini kita lihat ia melalui India dan Pakistan, kini ia telah sampai ke Eropah.

"Fenomena ini kita panggil sebagai fenomena Solstice di mana kedudukan matahari berada pada latitud 23.5 darjah utara. Ini perkara yang berlaku setiap tahun, cuma tahun ini ia lebih panas," katanya.

Sementara itu, Pengarah Pusat Penyelidikan Antartika Kebangsaan (NARC) Prof Datuk Dr Azizan Abu Samah berkata Malaysia sudah pun mempunyai panduan menghadapi cuaca panas, tetapi ia bukan garis panduan rasmi yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan atau mana-mana badan bertanggungjawab.

"Sekiranya ada cadangan untuk mengeluarkan satu garis panduan rasmi, itu sememangnya lebih baik," katanya.

Azizan juga berkata cuaca panas boleh mendorong kepada peningkatan suhu dan rakyat di negara ini berpotensi mendapat strok haba.

"Pelbagai nasihat telah dikeluarkan oleh pihak berwajib yang tidak menggalakkan kita melakukan aktiviti luar kerana bimbang terjadinya heat stroke seperti yang berlaku di Pakistan.

"Cuma nasihat saya pada mereka ialah perbanyakkan minum air dan duduk di tempat yang teduh," katanya.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)



Pengguna Digesa Beli Barang Disahkan SIRIM Menjelang Aidilfitri

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Orang ramai digesa membeli barang pengguna yang disahkan **SIRIM** - dipamerkan melalui label dan tanda pengesahan yang dilekatkan pada barang - terutama produk elektrik, menjelang sambutan Aidilfitri ini untuk mengelak daripada membeli barang tidak selamat.

"Barangan yang mempunyai label SIRIM atau tanda pengesahan adalah disahkan di bawah Skim Pensijilan Produk SIRIM, yang menyediakan jaminan bebas kepada pengguna bahawa produk yang disahkan itu memenuhi standard khusus untuk barangan," kata **Pengarah Urusan SIRIM QAS International, Khalidah Mustafa.**

Dalam satu kenyataan, beliau berkata baru-baru ini syarikat itu memperkenalkan label baharu SIRIM bagi menggantikan label lama yang digunakan hampir 10 tahun.

Pertukaran daripada label lama kepada label baharu SIRIM masih dijalankan, oleh yang demikian, label lama sedia ada tertampal pada produk yang masih dijual di pasaran adalah masih sah, katanya.

"Kami menggantikan label tersebut bagi menangani masalah pemalsuan label SIRIM sedia ada dan ditampal pada produk tidak bermutu dan tidak selamat yang berada di pasaran.

"Label baharu SIRIM lebih menampilkan ciri-ciri keselamatan," katanya.

Rekaan label baharu dan lama SIRIM boleh didapati di laman web SIRIM QAS International, www.sirim-qas.com.my

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)



Angin Kencang Dijangka Berterusan Sehingga Ahad

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Angin kencang barat daya yang berlaku di perairan Perlis, Kedah, Pulau Pinang, Sarawak (Miri), Sabah (Pedalaman & Pantai Barat) dan Wilayah Persekutuan Labuan dijangka berterusan sehingga Ahad ini.

Jabatan Meteorologi dalam satu kenyataan berkata angin berkelajuan antara 40 hingga 60 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 4.5 meter.

Situasi yang sama juga dijangka berlaku di perairan Phuket, Condore, Reef North, Layang-Layang, Palawan dan Sulu.

-- BERNAMA

**BERITA ONLINE
BERNAMA.COM**
TARIKH: 11 JULAI 2015 (SABTU)



Elak Kegiatan Menyumbang Kepada Pencemaran Udara - Ketua Menteri Melaka

MELAKA, 11 Julai (Bernama) -- Orang ramai diingatkan agar tidak melakukan pembakaran terbuka serta kegiatan yang boleh menyumbang kepada pencemaran udara terutama pada musim kekurangan hujan ketika ini, kata Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron.

Beliau berkata setiap rakyat Melaka perlu mempunyai rasa tanggungjawab dan bekerjasama bagi mengelak berlakunya pencemaran udara yang lebih teruk.

"Saya mengharapkan orang ramai tidak melakukan pembakaran terbuka bagi mengelak berlakunya pencemaran udara dan jerebu walaupun ada juga hujan, kerana bacaan Indeks Pencemaran Udara (IPU) (di negeri ini) agak tinggi.

"Saya khuatir kalau kita terus lakukan pembakaran terbuka, IPU akan meningkat dan kita akan sambut raya dalam keadaan jerebu," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Khatam Al-Quran Perdana Sekolah Rendah Agama Jabatan Agama Islam Melaka (JAIM) 2015 yang dihadiri kira-kira 7,500 pelajar di Masjid Al-Azim di sini hari ini.

Terdahulu pada majlis tersebut, sebanyak 60 hafiz Al-Quran menerima elauan daripada Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) yang bertujuan melahirkan lebih ramai hafiz yang berkualiti seiring dengan keperluan semasa.

Elaun bulanan sebanyak RM150 diberikan kepada hafiz yang menghafal 30 juzuk sebagai galakan kerajaan negeri kepada hafiz Al-Quran.

Menurut laman web Jabatan Alam Sekitar (JAS) setakat 12 tengah hari tadi, dua kawasan di Melaka iaitu Bukit Rambai dan Bandaraya Melaka mempunyai bacaan IPU masing masing 69 dan 68, yang merupakan pertama dan kedua tertinggi di seluruh negara.

Idris turut berharap JAS dan [**Jabatan Meteorologi Malaysia**](#) dapat memberi amaran awal apabila IPU sampai ke tahap luar kawalan.

Sementara itu, beliau mencadangkan agar MAIM memberi insentif kepada hafiz Al-Quran yang boleh menghafal 10 dan 20 juzuk bagi melahirkan lebih banyak hafiz di negeri itu.

"Saya cadangkan kita sediakan elauan kepada hafiz untuk 10 juzuk dan 20 juzuk. Jika ia dapat diklasifikasikan, saya yakin ia dapat menarik lebih banyak lagi pelajar dan golongan muda untuk jadi huffaz di Melaka," katanya.